



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI**  
**KOD KURSUS : DSM 2113/2103**  
**SESI : OKTOBER 2018**  
**TEMPOH MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa apa-apa barang melainkan alat tulis, slip peperiksaan, kad pelajar dan barangan yang dibenarkan oleh penjaga peperiksaan sahaja.
3. Sila semak dan pastikan set peperiksaan ini mengandungi:
  - i. Kertas soalan
  - ii. Kertas jawapan objektif
  - iii. Buku jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**PART A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan objektif.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan objektif.

1. Apakah takrif gelagat organisasi?
  - A Organisasi yang dibuat oleh anggota masyarakat internasional secara sukarela atau dasar kesamaan yang bertujuan menciptakan perdamaian dan tata hubungan.
  - B Satu kajian mengenai komitmen yang akan diberikan oleh pekerja di dalam mencapai matlamat.
  - C Perkumpulan sosial yang dibentuk oleh masyarakat baik yang berbadan hokum mahupun yang tidak berbadan hokum.
  - D Satu bidang yang mengkaji bagaimana individu, kumpulan dan struktur memberi kesan terhadap gelagat yang berlaku di dalam organisasi.
  
2. Antara berikut yang manakah adalah ciri-ciri semula jadi manusia?
  - A Paras rupa
  - B Antara disiplin
  - C Keseimbangan sosial
  - D Motivasi dan tingkah laku
  
3. Antara berikut yang manakah proses persepsi susun semula proses mengikut peringkat?
  - i. Output
  - ii. Penerimaan
  - iii. Reaksi
  - iv. Pengaruh
  - A i, ii, iii dan iv
  - B iv, ii, I dan iii
  - C iv, iii, ii dan i
  - D ii, iii, iv dan i

4. Manakah antara berikut merupakan pengaruh faktor-faktor dalaman persepsi?
- A Budaya
  - B Personaliti
  - C Pendapatan
  - D Latar belakang keluarga
5. Apakah persamaan antara teori keperluan Maslow dengan teori keperluan Aldefer?
- A Keperluan sosial dan keperluan fisiologikal.
  - B Keperluan keselamatan dan keperluan sosial.
  - C Keperluan fisiologikal dan keperluan kewujudan.
  - D Keperluan keselamatan dan keperluan perkembangan.
6. Manakah yang **benar** mengenai kajian Universiti?
- A Tingkahlaku berorientasikan tugas.
  - B Tingkahlaku berorientasikan teori X.
  - C Tingkahlaku berorientasikan pendapatan.
  - D Tingkahlaku berorientasikan gaya autokratik.
7. Manakah antara berikut adalah pilihan yang paling memberikan kepuasan kerja kepada pekerja?
- A Pengurus
  - B Pengalaman
  - C Sifat pekerjaan
  - D Gaji dan faedah
8. Berikut merupakan keperluan fisiologikal di dalam teori hierarki Maslow **kecuali**
- A minuman
  - B makanan
  - C pendidikan
  - D tempat berlindung/rumah

9. Apakah jenis prejudis persepsi sekiranya kita beranggapan bahawa graduan luar negara mempunyai kemahiran komunikasi dan penggunaan bahasa asing?
- A Stereotaip
  - B Kesan Halo
  - C Pandangan pertama
  - D Persamaan dengan saya
10. Pemimpin yang \_\_\_\_\_ ditafsirkan sebagai pemimpin yang mampu memengaruhi subordinat untuk melakukan sesuatu melewati kemampuan biasa mereka.
- A dedikasi
  - B karismatik
  - C berwibawa
  - D bertanggungjawab
11. Puan Salmah merupakan orang yang penting dalam pengurusan yang mematuhi pandangan pengurusan tradisional penyelia. Selain dari itu, beliau perlu membuat keputusan, kawalan kerja dan mentafsir data. Apakah jenis andaian penyelia yang ada pada Puan Salmah?
- A Orang Sisi
  - B Orang Utama
  - C Orang Tengah
  - D Penasihat Pakar
12. Apakah ciri-ciri kumpulan tidak formal?
- A Kumpulan tugas
  - B Kepuasan sosial
  - C Kumpulan arahan
  - D Sosial dan budaya

13. Untuk membuat keputusan di dalam kumpulan, terdapat pelbagai teknik yang digunakan. Teknik \_\_\_\_\_ ialah apabila ahli kumpulan tidak mengambil bahagian dan juga lebih dikenali sebagai "round-robin".
- A "delphi"
  - B nominal
  - C dominan
  - D *brainstorming*
14. Antara berikut yang manakah bukan ciri-ciri mentor yang baik?
- A Delegator yang baik.
  - B Memberi maklumat kepada *protégé*.
  - C Menyokong orang bawahan dalam melaksanakan tugas.
  - D Membiarkan orang bawahan membuat keputusan penting.
15. Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri personaliti A?
- A Menilai sesuatu kejayaan dari segi kualiti.
  - B Sabar untuk menunggu sesuatu kerja hingga selesai.
  - C Tergopoh-gapah menyelesaikan sesuatu perkara atau masalah.
  - D Sentiasa berfikir atau cuba menyelesaikan satu masalah apabila perlu.
16. Manakah antara berikut bukan masalah persepsi?
- A *Halo effect*
  - B *First impression*
  - C *Inter-role conflict*
  - D *Similar to me effect*
17. Manakah antara berikut bukan pendekatan individu dalam mengurangkan tekanan?
- A Senaman
  - B Pengurusan masa
  - C Kerja dalam kumpulan
  - D Kekurangan sokongan sosial

18. Antara berikut, yang manakah konflik yang dihadapi di dalam organisasi?
- A Konflik kuasa
  - B *Role ambiguity*
  - C *Role personality*
  - D Konflik individu
19. Revolusi budaya merujuk kepada perubahan yang \_\_\_\_\_.
- A dramatik
  - B perlahan-lahan
  - C meningkatkan motivasi
  - D meningkatkan daya pengeluaran
20. Sosialisasi jangkaan merupakan peringkat di mana pekerja \_\_\_\_\_.
- A meluaskan hubungan sosial.
  - B mengumpul maklumat tentang organisasi.
  - C membina hubungan di kalangan ahli organisasi.
  - D mengumpul maklumat kedudukan sosial di organisasi.

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B [40 MARKAH]**

Bahagian ini mengandungi empat soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di buku jawapan yang disediakan.

**SOALAN 1**

- a) Berikan definisi organisasi dan gelagat organisasi. (4 markah)
- b) Terangkan tiga (3) ciri semula jadi manusia. (6 markah)

**SOALAN 2**

- a) Berikan definisi persepsi. (2 markah)
- b) Terangkan **empat (4)** perkara yang mempengaruhi proses persepsi. (8 markah)

**SOALAN 3**

- a) Berikan definisi motivasi. (2 markah)
- b) Teori ini telah dibangunkan oleh Clayton Aldefer di mana beliau bersetuju bahawa motivasi pekerja boleh diukur mengikut keperluan hierarki. Apakah nama teori tersebut? Sila senarai dan terangkan peringkat yang terdapat dalam teori tersebut melalui gambar rajah. (8 markah)

**SOALAN 4**

- a) Berikan definisi pemimpin karismatik. (2 markah)
- b) Senarai dan terangkan **empat (4)** ciri kepimpinan karismatik. (8 markah)

**[40 MARKAH]**



**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi dua soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

**SOALAN 1**

Menurut Appley & Trumbull, tekanan merupakan sebagai satu rangsangan yang mempengaruhi gerak balas fisiologi dan tingkah laku terhadap rangsangan yang tidak disukai dan melibatkan ketegangan.

- a) Bandingkan **lima (5)** personaliti jenis A dan personaliti jenis B. (10 markah)
- b) Terangkan **lima (5)** sumber tekanan daripada pihak organisasi. (10 markah)

**SOALAN 2**

Teori Hierarki Maslow telah dibangunkan oleh Abraham Maslow (1908-1970), seorang ahli psikologi yang banyak menyumbang kepada pemahaman konsep motivasi secara lebih mendalam.

- a) Terangkan teori Hierarki Maslow tersebut secara terperinci dan kaitannya di dalam motivasi manusia beserta gambar rajah. (15 markah)
- b) Bayangkan anda sebagai seorang pengurus di dalam sesebuah organisasi. Apakah yang anda boleh lakukan untuk mengaplikasikan teori hierarki Maslow dalam usaha untuk meningkatkan motivasi pekerja bawahan anda? (5 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

